

**FAKTOR-FAKTOR PERAMAL TERHADAP  
PRESTASI PENGADIL RAGBI TUJUH  
SEBELAH MALAYSIA**

**MOHAMAD NIZAM BIN NAZARUDIN**



**UMS**

UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

**TESIS INI DIKEMUKAKAN UNTUK MEMENUHI  
SYARAT MEMPEROLEHI IJAZAH DOKTOR  
FALSAFAH**

**SEKOLAH PENDIDIKAN DAN PEMBANGUNAN  
SOSIAL UNIVERSITI MALAYSIA SABAH**

**2012**

# UNIVERSITI MALAYSIA SABAH


## BORANG PENGESAHAN STATUS TESIS

JUDUL : FAKTOR-FAKTOR PERAMAL TERHADAP PRESTASI PENGADIL RAGBI TUJUH SEBELAH MALAYSIA

IJAZAH: DOKTOR FALSAFAH

Saya MOHAMAD NIZAM NAZARUDIN, Sesi Pengajian 2006-2012, mengaku membenarkan tesis Doktor Falsafah ini disimpan di Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:

1. Tesis ini adalah hak milik Universiti Malaysia Sabah
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi
4. Sila tandakan ( / )



SULIT

(Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau berkepentingan di dalam AKTA RAHSIA RASMI 1972)

TERHAD

(Mengandungi maklumat TERHAD yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan dijalankan)

/

TIDAK TERHAD

Disahkan oleh,

\_\_\_\_\_  
(Tandatangan Penulis)

\_\_\_\_\_  
(Tandatangan Pustakawan)

Alamat Tetap :

Tarikh: 19 September 2012

\_\_\_\_\_  
(PROF. MADYA DR. MOHAMAD RAZALI BIN ABDULLAH)

Penyelia

## PENGAKUAN

Karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan, ringkasan dan rujukan yang setiap satunya telah dijelaskan sumber-sumbernya.

19 September 2012

---

Mohamad Nizam Bin Nazarudin  
PT2006-8532




UMS  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

**PENGESAHAN**

NAMA : **MOHAMAD NIZAM BIN NAZARUDIN**  
NO. MATRIK : **PT2006-8532**  
TAJUK : **FAKTOR-FAKTOR PERAMAL PRESTASI TERHADAP  
PENGADIL RAGBI TUJUH SEBELAH MALAYSIA**  
IJAZAH : **DOKTOR FALSAFAH  
(SAINS SUKAN)**  
TARIKH VIVA : **28HB OGOS 2012**

**DISAHKAN OLEH**



**1. PENYELIA**

Prof. Madya Dr. Mohamad Razali Bin Abdullah

Tandatangan

**UMS**  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

## PENGHARGAAN

Alhamdulillah syukur kepada Allah SWT kerana dengan izin dan limpah kurniaNya, tesis ini telah dapat disiapkan. Saya ingin merakamkan penghargaan dan ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada penyelia saya iaitu Prof. Madya Dr. Mohamad Razali Abdullah yang telah membimbing dan memberikan nasihat tanpa mengenal erti penat lelah.

Turut mengucapkan terima kasih kepada rakan-rakan saya di Sekolah Pendidikan dan Pembangunan Sosial UMS khususnya kepada Prof. Madya Dr. Hamzah Md. Omar, Dr. Khairudin Abdullah, Patmanathan K. Suppiah, Hasnool Noordin dan Dr. Anuar Din. Ucapan terima kasih juga kepada semua pelajar, bekas pelajar dan rakan-rakan yang tidak jemu-jemu mendoakan kejayaan saya.

Akhir sekali, berkat doa, kesabaran dan kasih sayang keluarga saya iaitu isteri tersayang Puan Zakiah Noordin dan anak tersayang iaitu Nur Adli dan Nur Adila.

Mohamad Nizam Bin Nazarudin

18 September 2012



UMS  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

## ABSTRAK

### FAKTOR-FAKTOR PERAMAL TERHADAP PRESTASI PENGADIL RAGBI TUJUH SEBELAH MALAYSIA

Jumlah pengadil ragbi Malaysia yang dipanggil mengadili perlawanan antarabangsa semakin merosot. Situasi ini adalah membimbangkan pihak Kesatuan Ragbi Malaysia (KRM) di mana KRM perlu mengenal pasti faktor-faktor peramal prestasi pengadil agar dapat mereka pertimbangkan dalam segala perancangan pembangunan sumber manusia pada masa akan datang. Ragbi tujuh sebelah pula dilihat sebagai laluan melonjakkan pengadil Malaysia ke peringkat antarabangsa khususnya dengan penganjuran acara ragbi di Sukan Olimpik 2016 dan pelbagai kejohanan lain di peringkat dunia pada masa akan datang. Justeru itu kajian ini dilakukan untuk mengenalpasti faktor-faktor yang mempengaruhi prestasi pengadil ragbi tujuh sebelah. Kajian ini bertujuan untuk menentukan hubungan dan pengaruh tahap pengetahuan, kecergasan fizikal, membuat keputusan dan kemahiran psikologi terhadap tahap prestasi pengadil ragbi tujuh sebelah. Seramai 132 orang pengadil daripada Kesatuan Ragbi Malaysia dipilih dalam kajian ini. Pendekatan yang digunakan dalam kajian ini ialah positivism. Kajian ini ialah kajian kuantitatif dan menggunakan *ex post facto design*. Instrumen yang digunakan dalam kajian ini ialah Ujian Pengetahuan Undang-Undang Ragbi ( $r=.72$ ), Ujian Kecergasan Larian Ulang-alik 20 Meter Pelbagai Tahap ( $r=0.93$ ), Ujian Larian Pecut 40 Meter ( $r=0.98$ ), Ujian Membuat Keputusan Pengadil Ragbi ( $r=.74$ ), Soal Selidik Kemahiran Psikologi ( $r=.75$ ) dan Penilaian Prestasi Padang Pengadil Ragbi Tujuh Sebelah ( $r=.94$ ). Data kajian ini telah di analisa menggunakan statistik inferensi iaitu ANOVA sehala, Kolerasi Pearson dan Regresi Pelbagai bagi menguji 10 hipotesis nol pada aras signifikan  $p<0.05$ . Tahap faktor pengetahuan, membuat keputusan, kemahiran psikologi dan prestasi adalah pada tahap sederhana manakala faktor kecergasan fizikal pula pada tahap tinggi. Dapatan kajian menunjukkan terdapat hubungan yang positif dan signifikan antara tahap pengetahuan ( $r=.56$ ,  $p<.05$ ), kecergasan fizikal ( $r=.64$ ,  $p<.05$ ), membuat keputusan ( $r=.61$ ,  $p<.05$ ), kemahiran psikologi ( $r=.67$ ,  $p<.05$ ) dengan tahap prestasi pengadil. Dapatan kajian turut menunjukkan hanya faktor kecergasan fizikal, membuat keputusan, kemahiran psikologi mempengaruhi prestasi pengadil tetapi tidak bagi faktor pengetahuan. Tahap kemahiran psikologi menyumbang 44.9% ( $r=.67$ ) perubahan varians dalam tahap prestasi pengadil. Gabungan kemahiran psikologi dan kecergasan fizikal pula menyumbang sebanyak 54.6 % ( $r=.74$ ) perubahan varians dalam tahap prestasi pengadil. Gabungan kemahiran psikologi, kecergasan fizikal dan membuat keputusan menyumbang sebanyak 56.6 % ( $r=.76$ ) perubahan varians dalam tahap prestasi pengadil. Keputusan analisis laluan menunjukkan bahawa terdapat kesesuaian cadangan model yang dibentuk bagi mengenal pasti hubungan secara langsung atau tidak langsung antara pengetahuan, kecergasan fizikal, membuat keputusan, kemahiran psikologi dengan prestasi pengadil. Tahap kemahiran psikologi (.521), kecergasan fizikal (.303) dan membuat keputusan (.174) mempunyai kesan langsung kepada prestasi. Kemahiran psikologi (.398), kecergasan fizikal (.061) dan pengetahuan (.115) mempunyai kesan tidak langsung kepada prestasi. Rumusan kajian menunjukkan bahawa kemahiran psikologi ialah faktor utama bagi pengadil tujuh sebelah yang efektif dan mempengaruhi penilaian prestasi IRB selain diperkuatkan oleh faktor kemahiran kecergasan fizikal dan membuat keputusan.

## ABSTRACT

The decline in the numbers of Malaysian rugby referees being called up for international matches' duty is very alarming. Malaysian Rugby Union (MRU) need to be aware of referee performance prediction factors in their human resources development planning consideration. Refereeing at rugby sevens should be seen an appropriate platform to upgraded Malaysian referees to international level especially for the coming Olympic Games 2016 and other world championships. Hence, this study was conducted to identify the factors that affect the performance of the referee rugby sevens. This study aims to investigate the relationships and influences of knowledge, physical fitness, psychology skill and decision making toward rugby sevens referee performances. A total of 132 referees from MRU were selected for this study. The approach used in this study is positivism. This study is a quantitative study and using ex post facto design. The Instruments used in this study are Rugby Law Writing Test ( $r=.72$ ), 20 Meter Multistage Shuttle Run Fitness Test ( $r=0.93$ ), 40 Meter Sprinting Test ( $r=0.98$ ), Rugby Referee Decision Making Test ( $r=.74$ ), Psychology Skill Questionnaires ( $r=.75$ ) and Referee Sevens Field Performance Evaluation ( $r=.94$ ). Inferential statistic using one way ANOVA, Pearson Correlation and multiple regression were applied to test 10 formulated null research hypothesis at a significant level  $p<0.05$ . Factor level of knowledge, decision making skills, psychological and performance is at the medium level of physical fitness factor was high. The research finding showed a positive and significant relationship between knowledge ( $r= .561, p<.05$ ), physical fitness ( $r= .64, p<.05$ ), decision making ( $r= .61, p<.05$ ), psychology skill ( $r= .67, p<.05$ ) to referee performance. The study showed that only factors of physical fitness, decision making skills, and psychological influence referees performance but not for the knowledge factor. Psychology Skill contributed 44.9% ( $r=.67$ ) variance changes in referee performance. Combination of psychology skill and physical fitness contributed 54.6 % ( $r=.74$ ) variance changes in referee performance. Combination of psychology skill, physical fitness and decision making contributed 56.6 % ( $r=.76$ ) variance changes in referee performance Path analysis results show that the suitability of the proposed model is designed to identify the direct contact or indirectly from knowledge, physical fitness, decision making skills, psychology and performance of the referee. Psychological skill (.521), physical fitness (.303) and decision making (.174) has a direct effect on performance. Psychological skills (.398), physical fitness (.061) and knowledge (.115) have an indirect effect on performance. Summary of studies have shown that psychological skills are a key factor for an effective referee sevens and influence IRB performance evaluation reinforced by factors other than physical fitness skills and decision making.

## SENARAI KANDUNGAN

	Muka Surat
<b>TAJUK</b>	i
<b>PENGAKUAN</b>	ii
<b>PENGESAHAN</b>	iii
<b>PENGHARGAAN</b>	iv
<b>ABSTRAK</b>	v
<b>ABSTRACT</b>	vi
<b>SENARAI KANDUNGAN</b>	vii
<b>SENARAI JADUAL</b>	xiii
<b>SENARAI RAJAH</b>	xviii
<b>SENARAI ISTILAH</b>	xix
<b>SENARAI LAMPIRAN</b>	xx
<b>BAB 1: PENDAHULUAN</b>	1
1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	2
1.3 Penyataan Masalah Kajian	7
1.4 Tujuan Kajian	9
1.5 Objektif Kajian	9
1.6 Soalan Kajian	9
1.7 Hipotesis Kajian	10
1.8 Batasan Kajian	11
1.9 Signifikan Kajian	11
1.10 Definisi Operational	13
1.10.1 Pengetahuan	13
1.10.2 Kecergasan Fizikal	13
1.10.3 Pembuatan Keputusan	13
1.10.4 Kemahiran Psikologi	13
1.10.5 Prestasi	13
1.10.6 Kesimpulan	14
<b>BAB 2: KAJIAN LITERATUR</b>	15
2.1 Pengenalan	15



2.2	Pengetahuan	15
	2.2.1 Teori Kognitif	16
	2.2.2 Kajian-kajian Lepas	18
2.3	Kecergasan Fizikal	19
	2.3.1 Teori Kecergasan Fizikal dan Kelesuan	20
	2.3.2 Kajian-kajian Lepas	22
2.4	Pembuatan Keputusan	26
	2.4.1 Teori Pemprosesan maklumat	30
	2.4.2 Teori Persekitaran Naturalis	32
	2.4.3 Kajian-kajian Lepas	33
2.5	Kemahiran Psikologi Pengadil	40
	2.5.1 Teori Bandura	40
	2.5.2 Teori Ekuiti	42
	2.5.3 Teori Penetapan Sasaran	42
	2.5.4 Teori U Terbalik	43
	2.5.5 Teori Desakan	44
	2.5.6 Teori Terbalik	46
	2.5.7 Teori Kebimbangan Multidimensional	46
	2.5.8 Teori Model Transaksi	46
	2.5.9 Teori Broadbent	48
	2.5.10 Kajian-kajian Lalu	52
2.6	Model Prestasi Pengadil ragbi	56
	2.6.1 Model Konseptual Jarak Pemindahan	56
	2.6.2 <i>The Cornerstones Performance Model of Refereeing</i>	57
	2.6.3 Model Prestasi Kepakaran Dalam Sukan	59
	2.6.4 Model Faktor Menyumbang Prestasi Fizikal	61
	2.6.5 Model faktor Mempengaruhi Prestasi	62
2.7	Kerangka Konseptual Kajian	64
<b>BAB 3:</b>	<b>METODOLOGI</b>	65
3.1	Pengenalan	65
3.2	Reka Bentuk Kajian	65
3.3	Pensampelan Kajian	66
3.4	Instrumen Kajian	68
	3.4.1 Ujian Pengetahuan Undang-Undang Ragbi (UPUR)	68

3.4.2	Ujian Kecergasan Fizikal	68
	a. Ujian Beep /20 Meter <i>Multistage Shuttle Run Fitness Test</i>	68
	b. Ujian Larian Pecut 40 Meter (ULP40M)	69
3.4.3	Ujian Membuat Keputusan Pengadil Ragbi (UMKPR)	69
3.4.4	Soal Selidik Kemahiran Psikologi (SSKP)	72
3.4.5	Penilaian Prestasi Padang Pengadil Tujuh sebelah (PPPPRTS)	73
3.5	Kajian Rintis	75
3.6	Kesahan Instrumen	77
	3.6.1 Ujian Pengetahuan Undang-Undang Ragbi (UPUR)	77
	3.6.2 Ujian Beep / 20 Meter <i>Multistage Shuttle Run Fitness Test</i>	78
	3.6.3 Ujian Larian Pecut 40 Meter (ULP40M)	78
	3.6.4 Ujian Membuat Keputusan Pengadil Ragbi (UMKPR)	79
	3.6.5 Soal Selidik Kemahiran Psikologi (SSKP)	80
	3.6.6 Penilaian Prestasi Padang Pengadil Tujuh Sebelah (PPPPRTS)	82
	3.6.7 Rumusan Kesahan Instrumen	83
3.7	Kebolehpercayaan	83
	3.7.1 Ujian Pengetahuan Undang-Undang Ragbi (UPUR)	84
	3.7.2 Ujian Beep / 20 Meter <i>Multistage Shuttle Run Fitness Test</i>	84
	3.7.3 Ujian Larian Pecut 40 Meter (ULP40M)	84
	3.7.4 Ujian Membuat Keputusan Pengadil Ragbi (UMKPR)	84
	3.7.5 Soal Selidik Kemahiran Psikologi (SSKP)	85
	3.7.6 Penilaian Prestasi Padang Pengadil Tujuh sebelah (PPPPRTS)	85
	3.7.7 Rumusan Kebolehpercayaan Instrumen	86
3.8	Pengumpulan Data	86
3.9	Prosedur Kajian	87
3.10	Analisis Data	89
3.11	Kesimpulan	98

<b>BAB 4: DAPATAN KAJIAN</b>	99
4.1 Pengenalan	99
4.2 Latar Belakang Responden	99
4.3 Tahap Pemboleh Ubah Kajian	100
4.3.1 Tahap Pengetahuan Responden	100
4.3.2 Tahap Kecergasan Fizikal Responden	101
4.3.3 Tahap Membuat Keputusan Responden	102
4.3.4 Tahap Kemahiran Psikologi Responden	102
4.3.5 Tahap Prestasi Responden	103
4.3.6 Rumusan Tahap Pemboleh Ubah Kajian	104
4.4 Perbandingan Tahap Pemboleh Ubah Dengan Demografi	105
4.4.1 Perbandingan Tahap Pengetahuan Dengan Umur Pengadil	105
4.4.2 Perbandingan Tahap Kecergasan Fizikal Dengan Umur Pengadil	106
4.4.3 Perbandingan Tahap Membuat Keputusan Dengan Umur Pengadil	107
4.4.4 Perbandingan Tahap Kemahiran Psikologi Dengan Umur Pengadil	107
4.4.5 Perbandingan Tahap Prestasi Dengan Umur Pengadil	108
4.4.6 Perbandingan Tahap Pengetahuan Dengan Tahun Pengalaman Pengadil	109
4.4.7 Perbandingan Tahap Kecergasan Fizikal Dengan Tahun Pengalaman Pengadil	113
4.4.8 Perbandingan Tahap Membuat Keputusan Dengan Tahun Pengalaman Pengadil	117
4.4.9 Perbandingan Tahap Kemahiran Psikologi Dengan Tahun Pengalaman Pengadil	121
4.4.10 Perbandingan Tahap Prestasi Dengan Tahun Pengalaman Pengadil	128
4.4.11 Rumusan Perbandingan Tahap Pemboleh Ubah Dengan Demografi	134
4.5 Hubungan Antara Pemboleh Ubah	135
4.5.1 Hubungan Antara Tahap Pengetahuan Dengan Prestasi	135
4.5.2 Hubungan Antara Tahap Kecergasan Fizikal Dengan Prestasi	136

	Prestasi	
4.5.3	Hubungan Antara Tahap Membuat Keputusan Dengan Prestasi	137
4.5.4	Hubungan Antara Tahap Psikologi Dengan Prestasi	137
4.5.5	Rumusan Hubungan Pemboleh Ubah Bebas Dengan Prestasi	138
4.6	Analisis Statistik Ujian Regresi Pelbagai	139
4.6.1	Model Persamaan Linear Antara Pemboleh Ubah Bebas Dengan Prestasi Pengadil	142
4.6.2	Rumusan Pengaruh Pemboleh Ubah Bebas Dengan Prestasi	142
4.7	Model Kesan Langsung Atau Tidak Langsung Antara Pengetahuan, Kecergasan Fizikal, Pembuatan Keputusan, Kemahiran Psikologi Dengan Prestasi Pengadil.	142
4.7.1	Pembangunan Model Dengan Sokongan Teori	142
4.7.2	Penilaian Ramalan Kesan Langsung Atau Tidak Langsung Antara Pengetahuan, Kecergasan Fizikal, Pembuatan Keputusan, Kemahiran Psikologi Dengan Prestasi.	143
4.7.3	Model Semakan	144
4.7.4	Interpretasi Keputusan	146
4.7.5	Rumusan Kesesuaian Model Yang Dibentuk Bagi Mengenalpasti Kesan Secara Langsung Atau Tidak Langsung Antara Pengetahuan, Kecergasan Fizikal, Pembuatan Keputusan, Kemahiran Psikologi Dan Prestasi Pengadil	149
4.8	Keputusan Pengujian Hipotesis	148
4.9	Kesimpulan	149
<b>BAB 5:</b>	<b>RUMUSAN, PERBINCANGAN DAN CADANGAN</b>	<b>150</b>
5.1	Pengenalan	150
5.2	Rumusan Kajian	150
5.3	Perbincangan	152
5.3.1	Tahap Pengetahuan Pengadil	153
5.3.2	Tahap Kecergasan Fizikal Pengadil	155
5.3.3	Tahap Membuat Keputusan Pengadil	157

5.3.4	Tahap Kemahiran Psikologi Pengadil	159
5.3.5	Tahap Prestasi Pengadil	162
5.3.6	Hubungan dan Pengaruh Antara Pengetahuan, Kecergasan Fizikal, Membuat Keputusan, Psikologi dan Prestasi Pengadil	163
5.3.7	Kesesuaian Model Kajian	169
5.4	Sumbangan	173
5.4.1	Sumbangan Terhadap Perkembangan Model Prestasi Pengadil	173
5.4.2	Sumbangan Terhadap Metodologi	173
5.4.3	Sumbangan Terhadap Profesionalisme Dan Organisasi	174
5.5	Implikasi Kajian	174
5.5.1	Implikasi Terhadap Pengadil	175
5.5.2	Implikasi Terhadap Perlawanan	175
5.5.3	Implikasi Terhadap Kesatuan Ragbi Malaysia	176
5.6	Cadangan Kajian Lanjutan	176
5.7	Penutup	178
	<b>BIBLIOGRAFI</b>	179
	<b>LAMPIRAN</b>	209

## SENARAI JADUAL

	Muka Surat
Jadual 1.1: Rumusan statistik skor dan aktiviti perlawanan Kejohanan Siri IRB Tujuh Sebelah 2010/11 dan 2009/10	3
Jadual 1.2: Statistik jumlah pengadil Malaysia ke kejohanan antarabangsa	7
Jadual 1.3: Prestasi pengadil tujuh sebelah antarabangsa Malaysia 2009/2010	8
Jadual 2.1: Kajian-kajian lepas berkenaan membuat keputusan pengadil	38
Jadual 2.2: Kajian-kajian lepas berkenaan kemahiran psikologi pengadil	55
Jadual 3.1: Taburan soal selidik mengikut kemahiran psikologi	72
Jadual 3.2: Perkara yang dilakukan pengekodan ujian penilaian	74
Jadual 3.3: Instrumen dan responden kajian rintis	76
Jadual 3.4: Kesahan instrumen kajian	83
Jadual 3.5: Pekali kebolehpercayaan <i>Cronbach Alpha</i> instrumen kajian	86
Jadual 3.6: Kaedah pengumpulan data berdasarkan persoalan kajian	87
Jadual 3.7: Pembahagian tahap pengetahuan	90
Jadual 3.8: Norma skor mentah ujian MSSRFT dan ujian ULP40M	90
Jadual 3.9: Pembahagian kategori tahap kecergasan fizikal	91
Jadual 3.10: Pembahagian kategori tahap membuat keputusan	91
Jadual 3.11: Pembahagian kategori tahap kemahiran psikologi	92
Jadual 3.12: Pembahagian kategori tahap prestasi	93
Jadual 3.13: Ujian normaliti dapatan kajian	94
Jadual 3.14: Kekuatan perkaitan mengikut Davis (1971)	95
Jadual 3.15: Kriteria pengukuran penyesuaian model (AMOS)	96
Jadual 3.16: Jenis Ujian Bagi setiap Hipotesis	97
Jadual 4.1: Taburan responden pengadil ragbi	100

Jadual 4.2:	Tahap pengetahuan responden	101
Jadual 4.3:	Tahap kecergasan fizikal responden	101
Jadual 4.4:	Tahap membuat keputusan responden	102
Jadual 4.5:	Tahap faktor kemahiran psikologi responden	103
Jadual 4.6:	Tahap prestasi responden	104
Jadual 4.7:	Rumusan tahap pemboleh ubah kajian	105
Jadual 4.8:	Ujian ANOVA sehala bagi perbandingan tahap pengetahuan dengan umur pengadil	106
Jadual 4.9:	Ujian ANOVA sehala bagi perbandingan tahap kecergasan fizikal dengan umur pengadil	106
Jadual 4.10:	Ujian ANOVA sehala bagi perbandingan tahap membuat keputusan dengan umur	107
Jadual 4.11:	Ujian ANOVA sehala bagi perbandingan tahap kemahiran psikologi dengan umur pengadil	108
Jadual 4.12:	Ujian ANOVA sehala bagi perbandingan tahap prestasi dengan umur pengadil	109
Jadual 4.13:	Ujian ANOVA sehala bagi perbandingan tahap pengetahuan berdasarkan tahun pengalaman	110
Jadual 4.14:	Analisis <i>Pos Hoc Tukey HSD</i> bagi perbandingan tahap dimensi pengetahuan prosedural dengan tahun pengalaman sebagai pengadil	111
Jadual 4.15:	Analisis <i>Pos Hoc Tukey HSD</i> bagi perbandingan tahap dimensi pengetahuan deklaratif dengan tahun pengalaman sebagai pengadil	112
Jadual 4.16:	Analisis <i>Pos Hoc Tukey HSD</i> bagi perbandingan tahap pengetahuan dengan tahun pengalaman sebagai pengadil	113
Jadual 4.17:	Ujian ANOVA sehala bagi perbandingan tahap kecergasan fizikal berdasarkan tahun pengalaman	114
Jadual 4.18:	Analisis <i>Pos Hoc Tukey HSD</i> bagi perbandingan tahap dimensi ketahanan kardiovaskular dengan tahun pengalaman sebagai pengadil	115
Jadual 4.19:	Analisis <i>Pos Hoc Tukey HSD</i> bagi perbandingan tahap dimensi kepantasan dengan tahun pengalaman sebagai Pengadil	116

Jadual 4.20:	Analisis <i>Pos Hoc Tukey HSD</i> bagi perbandingan tahap kecergasan fizikal dengan tahun pengalaman sebagai pengadil	117
Jadual 4.21:	Ujian ANOVA sehalu bagi perbandingan tahap membuat keputusan berdasarkan tahun pengalaman	118
Jadual 4.22:	Analisis <i>Pos Hoc Tukey HSD</i> bagi perbandingan tahap dimensi	119
Jadual 4.23:	Analisis <i>Pos Hoc Tukey HSD</i> bagi perbandingan dimensi hukuman dengan tahun pengalaman sebagai pengadil	120
Jadual 4.24:	Analisis <i>Pos Hoc Tukey HSD</i> bagi perbandingan tahap membuat keputusan keseluruhan dengan tahun pengalaman sebagai pengadil	120
Jadual 4.25:	Ujian ANOVA sehalu bagi perbandingan tahap kemahiran psikologi berdasarkan tahun pengalaman	122
Jadual 4.26:	Analisis <i>Pos Hoc Tukey HSD</i> bagi perbandingan tahap dimensi motivasi dengan tahun pengalaman sebagai pengadil	123
Jadual 4.27:	Analisis <i>Pos Hoc Tukey HSD</i> bagi perbandingan tahap dimensi keyakinan dengan tahun pengalaman sebagai pengadil	124
Jadual 4.28:	Analisis <i>Pos Hoc Tukey HSD</i> bagi perbandingan tahap dimensi kawalan kebimbangan dengan tahun pengalaman sebagai pengadil	125
Jadual 4.29:	Analisis <i>Pos Hoc Tukey HSD</i> bagi perbandingan tahap dimensi konsentrasi dengan tahun pengalaman sebagai pengadil	126
Jadual 4.30:	Analisis <i>Pos Hoc Tukey HSD</i> bagi perbandingan tahap dimensi persediaan mental dengan tahun pengalaman sebagai pengadil	127
Jadual 4.31:	Analisis <i>Pos Hoc Tukey HSD</i> bagi perbandingan tahap kemahiran psikologi keseluruhan dengan tahun pengalaman sebagai pengadil	128
Jadual 4.32:	Ujian ANOVA sehalu bagi perbandingan tahap prestasi berdasarkan tahun pengalaman	129
Jadual 4.33:	Analisis <i>Pos Hoc Tukey HSD</i> bagi perbandingan tahap dimensi kawalan dengan tahun pengalaman sebagai pengadil	130



Jadual 4.34:	Analisis <i>Pos Hoc Tukey HSD</i> bagi perbandingan tahap dimensi komunikasi dengan tahun pengalaman sebagai pengadil	131
Jadual 4.35:	Analisis <i>Pos Hoc Tukey HSD</i> bagi perbandingan tahap dimensi posisi dengan tahun pengalaman sebagai pengadil	132
Jadual 4.36:	Analisis <i>Pos Hoc Tukey HSD</i> bagi perbandingan tahap dimensi aplikasi undang-undang dengan tahun pengalaman sebagai pengadil	133
Jadual 4.37:	Analisis <i>Pos Hoc Tukey HSD</i> bagi perbandingan tahap prestasi keseluruhan dengan tahun pengalaman sebagai pengadil	134
Jadual 4.38:	Rumusan perbandingan tahap pemboleh ubah dengan demografi	135
Jadual 4.39:	Kolerasi Pearson pengetahuan dengan prestasi	136
Jadual 4.40:	Kolerasi Pearson kecergasan fizikal dengan prestasi	137
Jadual 4.41:	Kolerasi Pearson membuat keputusan dengan prestasi	137
Jadual 4.42:	Kolerasi Pearson psikologi dengan prestasi	138
Jadual 4.43:	Rumusan hubungan antara pengetahuan, kecergasan fizikal, membuat keputusan dan psikologi dengan prestasi	139
Jadual 4.44:	Analisis varians (ANOVA)	140
Jadual 4.45:	Analisis regresi <i>Stepwise</i> bagi pengetahuan, kecergasan fizikal, membuat keputusan dan psikologi terhadap prestasi	140
Jadual 4.46:	Analisis model ramalan kesan langsung atau tidak langsung antara pengetahuan, kecergasan fizikal, pembuatan keputusan, kemahiran psikologi dengan prestasi	144
Jadual 4.47:	Rumusan model semakan prestasi pengadil ragbi tujuh sebelah	145
Jadual 4.48:	Rumusan GFI, IFI, TLI, CFI dan RMSEA pengukuran ketepatan model semakan kesan langsung atau tidak langsung antara pengetahuan, kecergasan fizikal, pembuatan keputusan, kemahiran psikologi dengan prestasi	146

Jadual 4.49:	Pekali regresi, <i>critical ratio</i> dan nilai p untuk model semakan kesan langsung atau tidak langsung antara pengetahuan, kecergasan fizikal, pembuatan keputusan, kemahiran psikologi dengan prestasi	147
Jadual 4.50:	Kesan langsung, kesan tidak langsung dan jumlah kesan pemboleh ubah dengan prestasi	147




UMS  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

## SENARAI RAJAH

	Muka Surat
Rajah 2.1: Hubungan antara sumber informasi efikasi, jangkaan efikasi dan prestasi	41
Rajah 2.2: Teori U Terbalik	44
Rajah 2.3: Teori Desakan	45
Rajah 2.4: Teori Terbalik (Reversal theory)	45
Rajah 2.5: Hubungan multidimensional antara prestasi atlet dengan keseimbangan state	46
Rajah 2.6: Model konseptual jarak pemindahan pembelajaran	56
Rajah 2.7: The cornerstones performance model of refereeing	58
Rajah 2.8: Model prestasi pakar dalam sukan	60
Rajah 2.9: Model faktor menyumbang prestasi fizikal	61
Rajah 2.10: Model faktor mempengaruhi prestasi	62
Rajah 2.11: Kerangka konsep kajian	64
Rajah 3.1: Model pembinaan ujian McIntire dan Miller	69
Rajah 3.2: Kerangka prosedur kajian	89
Rajah 4.1: Model ramalan kesan langsung atau tidak langsung antara pengetahuan, kecergasan fizikal, pembuatan keputusan, kemahiran psikologi dengan prestasi pengadil	143
Rajah 4.2: Model semakan kesan langsung atau tidak langsung antara pengetahuan, kecergasan fizikal, pembuatan keputusan, kemahiran psikologi dengan prestasi.	145

## SENARAI ISTILAH


<b>KRM</b>	Kesatuan Ragbi Malaysia
<b>IRB</b>	<i>International Rugby Board</i>
<b>UMKPR</b>	Ujian Membuat Keputusan Pengadil Ragbi
<b>PPPRTS</b>	Penilaian Prestasi Padang Pengadil Ragbi Tujuh Sebelah
<b>SSKP</b>	Soal Selidik Kemahiran Psikologi
<b>UPUR</b>	Ujian Pengetahuan Undang-Undang Ragbi
<b>ULP40M</b>	Ujian Larian Pecut 40 Meter
<b>20MMSRFT</b>	<i>20 Meter Multistage Shuttle Run Fitness Test</i>



UMS  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

## SENARAI LAMPIRAN

- A Kajian Lepas Berkenaan Pergerakan dan Kadar Denyutan Nadi Jantung Pengadil Bola Sepak
- B Ujian Pengetahuan Undang-Undang Ragbi (UPUR)
- C Soal Selidik Kemahiran Psikologi (SSKP)
- D Borang Penilaian Prestasi Padang Pengadil Ragbi Tujuh Sebelah (PPPPRTS)
- E Kesahan Soal Selidik Kemahiran Psikologi (SSKP)
- F Ujian Normaliti
- G Analisis Data Kajian Sebenar
- H Laporan Prestasi Pengadil Antarabangsa Di kejohanan Tujuh Sebelah Asia Bawah 20 tahun 2012



UMS  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

## BAB 1

### PENDAHULUAN

#### 1.1 Pengenalan

Ragbi ialah sejenis permainan padang yang pantas dan memerlukan banyak sentuhan badan serta disepadukan dengan kemahiran individu seperti mengawal bola dengan tangan, berlari dan menendang serta kemahiran unit seperti *scrum*, *ruck*, *maul* dan *line-out* (IRB, 2009). Secara amnya sukan ragbi terbahagi kepada dua jenis iaitu *Rugby Union* dan *Rugby League* di mana di Malaysia hanya jenis *Rugby Union* sahaja yang dimainkan. *International Rugby Board* (IRB) atau Kesatuan Ragbi Antarabangsa adalah badan yang bertanggungjawab mengawal sukan ragbi jenis *Rugby Union* di peringkat antarabangsa. IRB telah ditubuhkan pada 1886 dan dikenali sebagai *International Rugby Football Board* (IRFB) dan telah ditukar nama kepada IRB pada 1998. Format permainan *Rugby Union* yang dimainkan adalah tujuh sepasukan, sepuluh sepasukan dan lima belas sepasukan.

Laporan IRB (IRB, 2011) menyatakan bahawa terdapat seramai 5.5 juta orang pemain ragbi di 98 buah negara. Sukan ragbi telah menunjukkan peratusan perkembangan pada kadar yang tidak pernah berlaku sebelum ini di seluruh dunia. Turut dilaporkan dalam laporan tersebut bahawa terdapat pertambahan sebanyak 25% penyertaan dalam sukan ragbi di Amerika Selatan semenjak tahun 2007 dan 80% pemain di Afrika adalah berumur di bawah 20 tahun. Ia dirangsang oleh rekod pembiayaan melalui program pelaburan strategik dan kemasukan ragbi tujuh sebelah sepasukan dalam program sukan Olimpik. Pengumuman ragbi tujuh sebelah sebagai salah satu acara di Sukan Olimpik 2016 dan 2020 baru-baru ini telah meningkatkan lagi populariti sukan ragbi tujuh sebelah di peringkat antarabangsa (IRB, 2010).

Menurut Cain dan Growden (2006) sukan ragbi tujuh sebelah telah menarik ramai pemain dan peminat baru ke dalam sukan ragbi kerana kelajuan permainan, masa yang permainan lebih pendek dan mudah difahami berbanding ragbi lima belas sebelah sepasukan. Masa permainan dikatakan pendek berbanding perlawanan lima belas sebelah pula merangkumi tujuh minit separuh masa pertama, rehat selama satu minit dan tujuh minit separuh masa kedua. Ragbi tujuh sebelah semakin digemari dan mudah difahami kerana para pemain dengan jumlah yang kurang iaitu tujuh orang pemain

dalam sebuah pasukan bermain dalam padang yang digunakan untuk permainan lima belas sebelah. Setiap pergerakan dan perlakuan pemain dilihat jelas oleh para penonton ketika menyaksikan perlawanan ragbi tujuh sebelah.

Pengadil pula adalah bertanggungjawab dalam mengekalkan kesinambungan dan kawalan perlawanan (FIBA, 2004), serta memastikan perlawanan yang adil berdasarkan peraturan dan semangat perlawanan (IRB, 2010). Pengadil yang dikatakan sebagai "..... *sole judge of fact and Law...*" (IRB, 2010) dijangka untuk mengaplikasikan undang-undang permainan secara konsisten dan tanpa variasi. Keputusan pengadil adalah muktamad maka jurulatih atau atlit akan menghadapi hukuman jika tidak mematuhi undang-undang (Daniel, 2008). Tugas sebagai pengadil bukan sahaja rumit tetapi juga mudah untuk menerima kritikan akibat melakukan kesilapan apabila membuat keputusan (Anderson, 2009). Kritikan ini boleh datang daripada pemain, jurulatih, pengurus pasukan dan juga penonton (Rainey *et al.*, 1990; VanYperen, 1998) atau media sukan (Guillen, 2006).

Kesilapan pengadil boleh menyebabkan kerugian dari perspektif ekonomi dan sosial kepada pasukan dan peminat, dan juga kepada atlit dan pasukan (Guillen, 2003a). Justeru itu jelaslah bahawa permasalahan yang dihadapi pengadil adalah untuk mengadili perlawanan dengan prestasi yang baik kerana prestasi pengadil mempengaruhi perlawanan. Menurut Greensted (2004), pengadil bukannya dilahirkan tetapi mereka dibentuk untuk menjadi pengadil yang baik maka dijangkakan bahawa terdapat faktor-faktor yang meramal prestasi pengadil dalam sesuatu perlawanan ragbi.

## **1.2 Latar Belakang Kajian**

Berdasarkan statistik perlawanan Kejohanan Siri IRB Tujuh Sebelah 2010/11 dan 2009/10 yang dikeluarkan oleh *International Rugby Board* (IRB) seperti dalam Jadual 1.1 menunjukkan kadar *try* yang dilakukan adalah setiap 76 saat manakala sebanyak 88% perlawanan dimenangi oleh pasukan yang melakukan banyak *try*. Sebanyak 43% *try* pula dilakukan dari kawasan sendiri dan penyebab *try* ialah 51% bukan dari *ruck* atau *maul* dan 52% adalah dari tiga atau kurang hantaran. Statistik ini menunjukkan bahawa perlawanan tujuh sebelah adalah pantas dan setiap pasukan akan cuba melakukan *try* tanpa melakukan banyak hentian. Sudah pasti pemain-pemain mempunyai ruang lebih luas untuk membuat larian dan memerlukan kepantasan untuk menewaskan lawan.

**Jadual 1.1: Rumusan statistik skor dan aktiviti perlawanan Kejohanan Siri IRB Tujuh Sebelah 2010/11 dan 2009/10**

<b>Skor Perlawanan</b>	<b>IRB 7'S 2010/11</b>	<b>IRB 7'S 2009/10</b>
Mata (purata setiap perlawanan)	36	37
Try (purata setiap perlawanan)	5.7	6.0
Kadar Try	1 Try setiap 76 saat	1 Try setiap 75 saat
Kejayaan <i>Conversion</i>	68%	62%
Perlawanan dimenangi oleh pasukan paling banyak skor try. (%)	88%	88%
Punca try - <i>Penalty/Free Kick</i> (%)	32%	29%
Asal try – dari kawasan sendiri (%)	43%	43%
Penyebab kepada try – tiada <i>rucks/mauls</i> (%)	51%	61%
Penyebab kepada try – 3 atau kurang hantaran (%)	52%	55%

<b>Aktiviti</b>	<b>IRB 7'S 2010/11</b>	<b>IRB 7'S 2009/10</b>
Bola dimainkan (%)	51%	50%
Hantaran (purata setiap perlawanan)	71	70
5+ Pergerakan hantaran (Kadar)	1 dalam 10.5	1 dalam 7.7
<i>Rucks/Mauls</i> (purata setiap perlawanan)	21	17
Tendangan (purata setiap perlawanan)	2.5	3.7
<i>Scrum</i> s (purata setiap perlawanan)	4	4
<i>Line out</i> (purata setiap perlawanan)	2	2
<i>Quick throws</i> (Jumlah)	1 dalam 11	1 dalam 10
<i>Penalty</i> (purata setiap perlawanan)	5.7	5.4
Kad (Jumlah)	31 + 2	110 + 4

Sumber: 2010/11 HSBC Statistical Review Wellington and Las Vegas Sevens World Series oleh IRB dalam slaid nombor 3 dan 4. *IRB Game Analysis* (2011)

Berdasarkan Jadual 1.1, turut didapati peratusan bola dimainkan sebanyak 51% dengan purata hantaran setiap perlawanan sebanyak 71 kali. Begitu juga dengan purata sebanyak 21 *ruck/maul* bagi setiap perlawanan dan hanya 2.5 tendangan, 4 *scrum* dan 2 *line out*. Statistik ini menunjukkan bahawa permainan ragbi tujuh sebelah kurang terhenti kerana kebanyakan masa melibatkan pergerakan fizikal pemain. Keadaan ini membolehkan *try* dapat dilakukan dengan banyak dan pemain akan mengurangkan sentuhan serta lebih menumpukan kepada kemahiran mengendalikan bola. Jadual 1.1 juga menunjukkan purata penalti bagi setiap perlawanan ialah sebanyak 5.7 kali dan jumlah kad kuning pula sebanyak 31 kad manakala kad merah sebanyak dua kad sahaja sepanjang kejohanan. Statistik ini lebih baik berbanding Kejohanan Siri IRB Tujuh Sebelah 2009/10 yang menunjukkan sebanyak 110 kad kuning dan empat kad merah telah dilayangkan kepada pemain. Statistik ini menunjukkan bahawa pengadil perlawanan terpaksa mengeluarkan sejumlah kad kuning dan merah yang banyak bagi mengawal suatu perlawanan. Berdasarkan penerangan statistik aktiviti perlawanan ragbi